




كَوْتَأْنُ بَسِرْ نَكَارَا بُرُونِيْ دَارُالسَّلَام

KEDUTAAN BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI YANGON, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR

**MAJLIS DOA KESYUKURAN BERSEMPENA DENGAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-77
DI YANGON, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR.**



Disediakan oleh: Md Salleh Md Jaafar / Foto: KBNBD Yangon

YANGON, Jumaat, 14 Julai 2023 - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Yangon, Republik Kesatuan Myanmar telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah di pejabat Kedutaan Besar.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pengiran Haji Irman bin Pengiran Haji Othman, Kuasausaha Sementara, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Yangon dan seterusnya memimpin bacaan Doa Kesyukuran.



كدوتأن بسر نکارا بروني دارالسلام

KEDUTAAN BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI YANGON, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR



Hadir pada majlis tersebut ialah pegawai-pegawai dan keluarga serta kakitangan daripada pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Yangon.
